



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA**

**ENCIK HAJI HAMIDON BIN ISMAIL,**

**PENKISAH SEJARAH TEMPATAN**

**MENGENAI SEJARAH KAMPUNG PAYA PULAI,  
SEGAMAT**

**NAMA PELAJAR: NURNABIHA BINTI MD ZAID**

**( 2022900507 )**

**NAMA PELAJAR: ZAID BIN ABDUL MANAF**

**( 2022772025 )**

**SEMESTER MAC – OGOS 2023**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
ENCIK HAJI HAMIDON BIN ISMAIL,  
PENGKISAH SEJARAH TEMPATAN  
MENGENAI SEJARAH KAMPUNG PAYA PULAI,  
SEGAMAT**

**NAMA PELAJAR: NURNABIHA BINTI MD ZAID  
( 2022900507 )**

**NAMA PELAJAR: ZAID BIN ABDUL MANAF  
( 2022772025 )**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT  
SEMESTER MAC – OGOS 2023**

## **Transkrip Temubual Bersama dengan Encik Haji Hamidon Bin Ismail, Pengkisah Sejarah Tempatan, Mengenai Sejarah Kampung Paya Pulai**

### **ABSTRAK**

*Transkrip ini mengisahkan tentang sebuah kampung di Segamat, Johor iaitu Kampung Paya Pulai. Kisah Kampung Paya Pulai ini belum lagi pernah dibuat kaji selidik secara terperinci tentang bagaimana kampung ini boleh terbentuk. Haji Hamidon merupakan tokoh yang terpilih bagi menceritakan apakah yang berlaku dan bagaimanakah wujudnya perkampungan di Kampung Paya Pulai ini. Selain daripada kisah pembukaan kampung tersebut, terdapat juga beberapa perkara berkaitan mistik, budaya dan kisah kisah lagenda masyarakat awal yang datang ke kampung ini. Beliau juga berkongsi cerita mengenai Sultan dan Bendahara yang lariselepas kekalahan Melaka menentang Portugis dan bagaimana terbentuknya sebuah penempatan di situ. Selain dari itu, Beliau juga menceritakan berkaitan tiga (3) batang pokok yang tumbuh di situ dan ianya dikenali sebagai Pokok Pulai. Pokok Pulai ini juga banyak memberi manfaat kepada penduduk kampung di awal pembukaan kampung tersebut. Dan, kisah yang banyak menjadi tanda tanya berkaitan sistem yang wujud pada zaman itu dikenali sebagai Sistem Kangcu juga telah dirungkaikan oleh beliau secara terperinci. Kajian itu amat penting dalam menghuraikan keistimewaan dan kelebihan kampung ini dan sumbangannya kepada negara. Melalui kajian lisan ini diharapkan agar dapat memberi kesedaran kepada masyarakat terutamanya generasi masa kini agar lebih cakna dalam menelusuri sejarah sejarah kampung atau daerah di dalam negara kita. Dengan hasil kajian terhadap Kampung Paya Pulai ini diharapkan dapat merungkai beberapa kisah yang menarik yang belum diketahui ramai terutamanya masyarakat di Malaysia.*

**Kata kunci :** *Kampung Paya Pulai, Pokok Pulai, Sistem Kangcu, Sultan*

## **Transcript of Interview with Mr. Haji Hamidon Bin Ismail, Local Storyteller, About the History of Paya Pulau Village**

### **ABSTRACT**

*This transcript tells the story of a village in Segamat, Johor which is Kampung Paya Pulau. The story of Kampung Paya Pulau has not yet been researched in detail about how this village could be formed. Haji Hamidon is the chosen figure to tell what happened and how the village came to be in Kampung Paya Pulau. Apart from the story of the opening of the village, there are also some things related to mysticism, culture and legendary stories of the early people who came to this village. He also shared a story about the Sultan and the Treasurer who fled after the defeat of Melaka against the Portuguese and how a settlement was formed there. Apart from that, he also told about three (3) tree trunks that grow there and they are known as Pokok Pulau. This Pulau tree also greatly benefits the villagers at the beginning of the opening of the village. And, the story that has become a question mark related to the system that existed at that time known as the 'Kangcu' System has also been unravelled by him in detail. The study is very important in describing the special features and advantages of this village and its contribution to the country. Through this oral study, it is hoped to be able to give awareness to the community, especially the current generation, so that they can be more accurate in tracing the history of the village or district in our country. With the results of this research on Kampung Paya Pulau, it is hoped to unravel some interesting stories that are not yet known to many, especially the people in Malaysia.*

**Keywords :** *Kampung Paya Pulau, Pokok Pulau, Kangcu System, Sultan*

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum WBT..

Pertama sekali kami ingin menyatakan bahawa kejayaan dan hasil akhir tugas ini memerlukan banyak bimbingan dan bantuan daripada ramai pihak dan kami berasa amat bertuah kerana mendapat sokongan dan tunjuk ajar sepanjang menyiapkan kerja tugas kami.

Kepada Puan Azura Binti Kamaruzzaman, kami ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Puan Azura kerana sudi meluangkan masa dalam setiap soalan yang diajukan kepada Puan Azura Binti Kamaruzzaman dalam menyiapkan tugas ujian lisan ini. Dengan adanya tugas ini, kami dapat mencari peluang meneroka dan merungkai kisah di sebalik kampung di sekitar daerah Segamat, Johor. Justeru, tanpa bimbingan Puan Azura, kami tidak akan dapat menyiapkan projek berkumpulan ini dengan jayanya.

Kemudian, ribuan terima kasih diucapkan kepada Encik Haji Hamidon Bin Ismail yang merupakan tokoh yang terpilih bagi menceritakan perihal pembentukan salah satu kampung di Segamat. Tanpa kerjasama dari beliau, maka tugas ini tidak dapat dilaksanakan.

Akhir sekali, tidak lupa juga untuk kami ucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga dan rakan-rakan yang membantu kami menyiapkan projek berkumpulan ini dalam masa yang telah diberikan. Terima kasih.

## **SENARAI ABREVIASI**

Pengkisah tidak menggunakan singkatan perkataan di dalam penceritaannya

## 1.0 BIODATA PENEMUBUAL

### 1.1 Penemubual pertama



<b>Nama</b>	Zaid Bin Abdul Manaf
<b>Tarikh Lahir</b>	27/05/2001
<b>Tempat Lahir</b>	Kuantan, Pahang
<b>Alamat</b>	No 75 Lorong Bandar Putra 2/14, 26060, Kuantan, Pahang
<b>No. Telefon</b>	01169746951
<b>Emel</b>	zdmanaf@gmail.com
<b>Program</b>	Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Matematik

## 1.2 Penemubual Kedua



<b>Nama</b>	Nurnabiha Binti Md Zaid
<b>Tarikh Lahir</b>	11/04/2001
<b>Tempat Lahir</b>	Negeri Sembilan
<b>Alamat</b>	No 464, Taman Putra, Bukit Baru, 75150, Melaka
<b>No. Telefon</b>	01162119344
<b>Emel</b>	nurnabihamdzaid@gmail.com
<b>Program</b>	Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Matematik



## **2.0 BIODATA TOKOH**

### **2.1 Biodata Tokoh**



Nama sebenar tokoh ialah Haji Hamidon Bin Ismail. Beliau berusia 78 tahun. Beliau lahir dan dibesarkan di Muar, Johor. Hasil dari perkahwinannya, Haji Hamidon telah dikurniakan lima (5) orang anak dimana dua (2) perempuan dan tiga (3) lelaki. Beliau melanjutkan pelajaran sehingga peringkat Ijazah dan ditawarkan menjadi seorang guru. Kemudian, beliau telah melibatkan diri dalam dunia korporat sebagai Pengurus Pentadbiran dan kakitangan sebagai Sumber Manusia di Syarikat Setia Putrajaya Sdn Bhd dan terlibat secara langsung membina Jabatan Perdana Menteri dan Rumah Kediaman Perdana Menteri. Setelah bersara, beliau bergiat aktif dalam khidmat masyarakat termasuk membuat kerja kerja kebajikan untuk anak yatim dan Pendidikan pra sekolah serta berkebun.

### **2.2 Pengenalan Kepada Tokoh**

Pada awalnya, untuk kajian sejarah ini, pensyarah kami telah menetapkan sejarawan yang kami perlu temuduga untuk kajian kami ini. Orang yang telah dipilih adalah Encik Haji Hamidon Bin Ismail. Beliau merupakan sejarawan yang akan menceritakan dan berkongsikan tentang sejarah Kampung Paya Pulau. Latar belakang sejarawan tersebut adalah beliau merupakan seorang yang suka mendalami dan menjelajah sesuai kawasan tidak kira dimana. Kesan daripada hobinya tersebut, maka beliau mempunyai banyak pengalaman dan pengetahuan kisah-kisah sejarah terutamanya di kawasan Segamat. Saya percaya bahawa kisahnya akan menyumbang kepada penyelidikan kajian ini kerana beliau memiliki banyak pengetahuan tentang sejarah Kampung Paya Pulau.

## **3.0 SEJARAH LISAN**

### **3.1 Pengenalan**

Sejarah lisan merupakan salah satu kaedah oleh penyelidik untuk mendapatkan maklumat yang mempunyai kepentingan sejarah atau sosiologi yang diperolehi biasanya melalui temu bual yang sering kali dirakam melalui perbualan, wawancara dan lain lagi dengan orang yang berpengalaman dan mempunyai kepentingan yang istimewa (Pusat Kajian Sejarah Lisan Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007). (Permas Upsi, 2019) menyatakan bahawa kebanyakan maklumat lisan diperolehi melalui solan yang ditadbir sendiri, temu bual atau dialog sepanjang proses penyelidikan. Mereka boleh memberikan maklumat asal tentang sesuatu peristiwa itu. Selain itu, menurut (Oral History Association, n.d.) yang telah diterjemahkan, sejarah lisan ialah kedua-dua jenis penyelidikan sejarah tertua, mendahului perkataan bertulis, dan salah satu yang paling moden, bermula dengan perakam pita pada tahun 1940-an dan kini menggunakan teknologi digital abad21. Menurut (Baylor University Institute, 2012) yang juga telah diterjemahkan, terdapat empat kepentingan sejarah lisan yang telah dihuraikan. Yang pertama ialah, sejarah lisan membantu melengkapkan kisah silam. Yang kedua ialah, membantu kita memahami bagaimana individu dan komuniti mengalami kuasa sejarah. Yang ketiga pula ialah, ia menunjukkan kepada kita apa yang telah berubah dari semasa ke semasa dan apa yang kekal sama. Yang terakhir pula ialah, sejarah lisan dapat mengekalkan gambaran yang baik tentang siapa kita sekarang dan apa yang kita ingat dari masa lalu untuk generasi akan datang. Ini menunjukkan betapa pentingnya\*kajian sejarah lisan ini untuk dijalankan oleh penyelidik-penyelidik sebagai bukti atau juga sebagai rujukan untuk masa hadapan. Selain itu, dari kepentingan yang telah dinyatakan kita dapat lihat bahawa kajian sejarah lisan in dapat memelihara dan mengekalkan sesuatu sejarah tentang suatu individu itu agar tidak dilupakan dan hilang begitu sahaja.

## **4.0 KAJIAN LITERATUR**

### **4.1 Kampung Paya Pulai**

Kajian sejarah lisan yang dijalankan ini adalah bertemakan ‘Segar Amat Bumi Bertuah’. Secara umumnya, kajian ini adalah dengan memberikan setiap pelajar mengkaji kisah dan sejarah sesuatu kampung yang berada di sekitar Daerah Segamat. Seperti yang kita tahu, Segamat merupakan sebuah daerah paling tua di negeri Johor yang kaya dengan sejarah silamnya lalu ianya digelar “Daerah Lagenda”. Sejarah silam daerah Segamat sering dikaitkan dengan kehebatan kerajaan Malim Dewa yang kononnya pada suatu masa dahulu pernah wujud di satu kawasan luas merintangi Kuala Muar hinggalah ke hulu daerah Segamat.

Berbalik kepada sejarah yang kami telah kaji adalah Kg Paya Pulai. Nama ini berasal dari pokok pulai. Pada awalnya, kampung ini dibuka oleh Sultan Melaka dan Bendahara yang menyelamatkan diri setelah kejatuhan Melaka menentang Portugis. Apabila sampai di kampung itu, Sultan dan Bendahara melihat tiga (3) batang Pokok Pulai yang amat besar berhampiran paya. Dari pokok itulah Sultan mendapat ilham dan menamakan kampung itu sebagai Kampung Paya Pulai. Penduduk asal kampung terdiri daripada orang asli. Aktiviti awal pembukaan ialah pertanian, bercucuk tanam, menternak binatang serta menangkap ikan. Hal ini kerana, kampung ini asalnya dikelilingi sungai dan paya. tanah di kawasan kampung ini adalah sangat subur. Oleh sebab itu, mereka mula menanam padi bagi meneruskan kehidupan di situ dan dilengkapi dengan kemudahan seperti beras yang menjadi makanan asasi masyarakat melayu. Pada awal pertengahan kewujudan kampung paya pulai ini, kaum cina mula datang masuk ke kampung kerana mereka nampak potensi untuk urusan perdagangan. Hal ini membuatkan orang cina menebang pokok pokok pulai yang terdapat di paya pulai untuk dijadikan kasut dan selipar terompah.

Kemudian orang asli di paya pulai menjadi penunjuk arah kerana dulunya paya pulai menjadi sebuah laluan sungai bagi penduduk kampung nak ke suatu tempat ke tempat yang lain. Orang asli telah mahir dalam selok belok jalan laut dan daratan. Dengan sebab itu, mereka yang berhijrah ke perkampungan baru bagi menyelamatkan diri boleh berjumpa dengan saudara mara dan ahli keluarga yang masih tinggal di Melaka secara sembunyi mengikut jalan laut. Dengan itu, Pihak

Portugis tidak dapat mengesan kehadiran rakyat Melaka yang telah melarikan diri dari Melaka. Bagi agama yang dianuti di kampung itu ialah agama Islam kerana agama Islam telah tersebar luas semasa zaman kekuasaan Melaka lagi. Oleh sebab itu, agama Islam menjadi agama rasmi semasa itu. Bahasa pengantara yang digunakan juga ialah Bahasa Melayu. Seperti yang kita semua tahu, orang Melayu sangat kaya dengan adat dan amalan amalan tradisi. Di Kampung Paya Pulai, masyarakat mengamalkan upacara mandi minyak yang dipercayai mampu menguatkan ketahanan badan. Cara yang digunakan ialah mendidihkan kelapa sehingga menjadi minyak lalu dilumurkan ke seluruh anggota badan. Mereka percaya badan akan menjadi kuat dan sihat dengan melakukan upacara mandi minyak. Bagi makanan tradisi pula, penduduk Kampung Paya Pulai membuat 'Kuih Racik' atau dikenali sebagai pengandan talam. Kuih ini masih wujud di sekitar Kampung Paya Pulai sehingga kini. Kuih itu di lapisan bawah terdiri dari pulut dan lapisan atas ialah gula atau tepung manis.

Selain itu, sistem yang digunakan dan wujud di Kampung Paya Pulai ialah Sistem Kangcu. "Kangcu" ialah perkataan Teochiew yang bererti Ketua Petempatan Cina, manakala Kerajaan Johor menggunakan istilah "Tuan Sungai". Melalui sistem ini, Temenggung Daeng Ibrahim membawa orang-orang Cina dari Singapura ke Johor untuk mengerjakan ladang lada hitam di sepanjang Sungai Johor. Orang-orang Cina diberikan "Surat Sungai" yang merupakan surat kebenaran untuk menetap dan mengusahakan pertanian di Johor. Kawasan perladangan dikenali sebagai "kangkar", iaitu perkataan bahasa Cina untuk "kaki sungai". Setiap kangkar diketuai oleh seorang kangcu yang memerintah dan memungut cukai untuk kerajaan Johor.. Selain itu, bagi Kampung Paya Pulai, ianya diketuai oleh Sultan. Segala perihal atau permasalahan yang berlaku akan diadukan kepada Temenggong dan permasalahan itu akan dibawa kepada Sultan oleh Temenggong. Hubungan antara Sultan dan masyarakat ketika itu amat baik. Masyarakat kesemuanya menghormati setiap keputusan yang dikeluarkan oleh Sultan. Bagi kemudahan infrastruktur ketika awal pembukaan tidaklah banyak. Hanya terdapat surau atau masjid, balai raya dan pasar untuk kemudahan penduduk membeli barang. Tetapi penduduk kampung amat mahir dan kreatif apabila batang Pokok Pulai itu dapat dijadikan sampan dipanggil 'Sampan Jalur'. Dengan itu, dapatlah penduduk kampung menangkap ikan dan merentasi sungai untuk ke suatu tempat ke tempat yang lain. Seterusnya, ketika kemasukan China dan India inilah kehidupan penduduk sedikit demi sedikit

berubah kepada hidup yang berbilang kaum. Penerimaan masyarakat melayu ketika itu juga memberangsangkan apabila mereka dapat bertukar tukar barangan seperti terompah yang dibuat oleh orang china dan rempah ratus dapat diperolehi dari orang india ketika itu.

Akhir sekali, perihal tinggalan sejarah bagi Kampung Paya Pulau ini sayang seribu kali sayang, bukti kepada tinggalan sejarah tidak dapat dibuktikan kerana ditelan zaman. Yang tinggal hanyalah Pokok Pulau yang tumbuh melata di sekitar paya di Kampung Paya Pulau tersebut. Dengan sebab itu, salah satu tujuan kajian lisan mengenai sejarah kampung sekitar segamat ini supaya kejadian seperti kampung ini tidak berulang lagi. Amatlah rugi jika kisah pembukaan Kampung Paya Pulau yang cukup menarik ini tidak mendapat perhatian masyarakat atau generasi kini kerana tanpa pengetahuan berkaitan sejarah kita terhadap negara tanah tumpah darah ini, bagaimana kita mampu mengatakan bahawa kita sayang akan negara kita Malaysia. Harapan yang tinggi diletakkan agar generasi kini dapat membuka mata dan lebih cakna terhadap kisah dan warisan tinggalan sejarah ini supaya dapat dijadikan iktibar dan pedoman betapa besarnya pengorbanan masyarakat terdahulu dalam membuka sesebuah tempat atau kampung.

## **5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL**

**ZAID MANAF (ZM)**

**NABIHA ZAID (NZ)**

**HAJI HAMIDON (HH)**

ZM: Okay assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera, berikut adalah temu temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dari pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang senibina dan arkitek. Bersama sama kami Encik Haji Hamidon merupakan seorang guru yang berpengalaman dalam Kampung Paya Pulau, rakaman ini dijalankan pada tarikh 10 Julai 2023 bersamaan dengan hari Isnin pada pukul 3 Petang. Okay temu temubual ini dikendalikan oleh saya Zaid Bin Abdul Manaf dan juga

NZ: Nurnabiha Binti Md Zaid.

ZM: Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan. Bagi soalan yang pertama berkaitan Kampung Paya Pulau, boleh saya tahu siapakah yang membuka Kampung Paya Pulau?

HH: (Menganggukkan kepala) Dari segi sejarahnya Kampung Paya Pulau ni dari nama individu yang tertentu kita tak dapat tahulah kerana pembukaannya tu serentak dengan Kampung Lubok Batu. Kampung Lubok Batu semasa kekalahan Kerajaan Melayu Melaka Bendahara dan Sultan semua berhijrah ke tempat yang lebih selamat dan Bendahara pada masatu ialah seorang Bendahara yang uzur jadi dia tak dapat ikut Sultan ke, ke Pahang. Jadi Bendahara hanya mampu setakat di Segamat aja ya, di suatu Kawasan yang terkenal sampai sekarang ni iaitu Kampung Lubok Batu yang dimana Bendahara Depoh. Bendahara yang akhir untuk Negeri Melaka dikebumikanlah dimakamkan. Jadi pengikut pengikut Sultan dan pengikut pengikut Bendahara yang lari disebabkan kekalahan kalah perang dengan Portugis ada yang terus mengikut sultan dan ada yang menunggu di di segamatlah sebagai dijadikan satu banteng jugaklah matlamat asal, kerana segamat ni dulu pun memang ada hubung kait dengan Kerajaan Melayu Melaka. Jadi, penduduk penduduk dia disebabkan ramai pengikut pengikut Bendahara ni ada yang menetap di Kampung Lubok Batu dan merebaklah disitu dan termasuklah juga Kampung Paya Pulau kerana kampung ni sebelah sebenarnya sebelah menyebelah je. Dia takde Lubok Batu dan Paya Pulau.

ZM: Okay, (menganggukkan kepala) bagi soalan yang kedua pula, boleh kami tahu adat dan tradisi masyarakat Kampung Paya Pulau pada ketika itu?

HH: Biasalah kebanyakan apa ni kita ni asal daripada orang melayu nusantara dan secara kebetulan pula pada zaman gemilang di semenanjung tanah melayu ni ialah apabila adanya Kerajaan Melayu Melaka dan kerajaan tu berkembang luas makna budaya dan budaya hidup (-) Kerajaan Melayu Melaka tu secara tak langsung tersebar luaslah (-) sampai ke Sumatera ye (-- ) sampai ke Pahang ke Johor hingga ke boleh dikatakan seluruh apa ni semenanjung lah. Dan budaya itulah yang diamalkan dan kadangkala ada jugalah sedikit sedikit untuk makluman budaya yang dibawa oleh Minang tapi tidak sepenuhnya digunakan di kawasan ni. Kerana (-- ) selain daripada Kerajaan Melayu Melaka kita boleh tahu juga ada di di ada satu kerajaan dipanggil Kerajaan Minang Kabau kan. Padahal Kerajaan tu kemudian daripada Kerajaan Melayu Melaka kan? Tetapi, apabila (-- ) ramai dah penduduknya di sini kadangkala Orang Minang daripada apa pergi ke Negeri Sembilan dan ada juga masuk ke, ke Segamatlah. (--).

ZM: Okay, bagi soalan seterusnya bagaimanakah Kampung Paya Pulau ini mendapat nama?

Hh: Kampung tu kampung yang berpaya, dan hasil pendapatan orang semasa itulah ialah kebanyakannya petani, nelayan dan sebagainya dan selain daripada itu, kebanyakan orang berpindah ni dia mencari kemudahan untuk mencari tempat bukan sahaja untuk tinggal tetapi ada kemudahan kemudahan lain dari segi perubatan dan sebagainya. Ni kadang kadang orang tak faham rupanya di situ ada banyak Pokok Pulau dan Pokok Pulau ni besar bukan yang saya tunjuk tu Pokok Pulau yang kecil kecil je orang buat apani hiasan sebagainya tapi Pokok Pulau sebenarnya memang besar tinggi seperti pokok kayu balak yang lain dan pokok ni banyak gunanya dari segi perubatan. Dan kayunya pula lembut. Dia kayu lembut ni dia boleh buat macam macamlah termasuklah juga buat perahu jalur. Perahu jalur ni semua orang fahamlah orang dulu buat perahu sampan dia takde seperti sekarang ni guna papan guna apa maknanya perahu apani batang pulau tu ditebuk itu dibentuk sebagai sebuah perahu yang panjang. Dari dari situlah mereka kata lebih senang kita duk sini kerana ada banyak kemudahan ada banyak apani hasil hasil yang mereka dapat terutamanya ikan, ikan sungai ya dan juga lain lain apani sayur sayuran ada situ. Orang dulu makan sayur senang je bukan macam sekarang, sayur pucuk paku dia boleh makan, sayur apa semua tu banyak ada kat paya. Jadi salah satu pula ada Pokok Pulau jadi dinamakanlah Kampung Paya Pulau. Sempena nama pokok itulah ada dua tiga paling besarlah di kawasan tu tapi sekarang dah takde lagi pokok tu dah ditebang dek orang.

ZM: Okay, (mengangguk kepala) bagi soalan seterusnya apakah makanan tradisi masyarakat Kampung Paya Pulai pada ketika itu?

HH: Biasalah, oleh sebab kebanyakan mereka datang dari Melaka makanan sebagaimana orang Melaka makan orang Paya Pulai makan tu jugalah orang Kampung Lubok Batu pun makan tu jugalah kerana mereka semua ni memang asal kebanyakan adalah nelayan samada nelayan atau petani. Jadi, dia yang mana duduk laut mungkin dia buat nelayan laut tapi yang mana duduk sungai ni dia dah jadilah nelayan sungai dan makanan dia makanan apa yang ada dekat situ maknanya itulah makanan utama dia. Kerana situ paya paya memang boleh buat sawah, jadi secara tak langsung mereka di situ senang. Mereka terus buat sawah dan makanlah sebagaimana orang melayu yang lain makan.

NZ: Contoh contoh makanan dia apa?

HH: mana?

NZ: contoh contoh makanan tradisi? (mengerutkan dahi)

HH: Dia takde apa dia makanan tradisi dia senang aja seperti saya cakap orang melayu apa kalau beras tu dia boleh buat macam macam kan (-) dia boleh buat apuni apuni emping daripada apadia daripada beras dia (-) beras pulut dia boleh buat apuni macam macam makanan dan satu makanan ni yang popularlah di kawasan ni dipanggil Kuih Racik. Dan saya pun mula mula saya bertanya Kuih Racik ni kenapa rupanya dia macam kuih Pengandan Talam tau? Talam tahu? (menunjukkan bentuk talam) Talam kuih tu masuk bawah tepung atas gula, atas apatu tepung yang bergula, warnakan bawah putih atas kadang warna hijau kadang warna merah. Awak pernah jumpa kuih ni. Kemudian nak makan tu kena potong, racik gitu dalam satu talam tu dia racik tu dia potong empat segi empat segi empat segi. Saya ingat awak jumpa kuih ni lah. Jumpa kan? Ada jual lagi sekarang pun ada jual kuih tu. Haa dulu dia panggil kuih Pengandan Talam. Kerana orang dulu masak dia kukus dalam dia bukan masak dia kukus dalam talam. Sekarang mungkin banyak kemajuan dia boleh buat kuih tu dalam Tupperware dalam dalam apuni bekas bekas lain pun boleh.

ZM: Okay, seterusnya apakah pengangkutan utama masyarakat pada ketika itu?

HH: Pada masa dulu biasanya sungailah. Kerana sungai Muar ni masatu memang daripada Segamat ni dia boleh turun ke Kuala sungai Muar. Kemudian berpecah pulak sampai ke Labis sana kerana itulah pengangkutan yang paling penting pada masa tu. Lagipun pada masa tu, ada lagi (tidak jelas) setakat daripada Paya Pulai ni yang dia tidak terus ke Paya Pulai yang dia



duduk di Pagoh. Pagoh Muar, eh Pagoh Muar awak tahu Pagoh kan? (sambil menunjukkan jari) Di mana di situ ada Makam Sultan apani Alauddin Riayat Shah ada di situ. Jadi dia turunlah ke Bukit Kepong, ke Pagoh, Kuala Muar kemudian pusing balik ada yang ni dia boleh ikut sungai sungai tu terus ke Kesang masuk sana, dan boleh secara tak langsung boleh mencuri curi masuk ke Melaka jumpa saudara mara dia sana walaupun Melaka pada masa tu diperintah oleh Portugis dan diperintah oleh Belanda. Tapi mereka masih lagi dapat berhubung.

ZM: Okay, seterusnya apakah agama islam telah tersebar pesat di Kampung Paya Pulai pada ketika itu?

HH: Memang menjadi kenyataanlah kerana yang datang peringkat awal tu kebanyakannya adalah (--) orang rakyat Melaka orang Melaka jadi gabungan mereka pada masa tu beragama Islam. Tetapi kita tak nafikan juga di Segamat ni ada juga Orang Asli. di samada di kampung ni (tidak jelas) tetapi taklah ramai. Dan Orang Asli ni pulak dan kebetulan memang ramai masuk Islam kerana mereka ni jadi pemandu tau. Pemandu jalan macam katakan apabila orang daripada Melaka pergi ke Segamat dia tahu jalan. Tetapi dari Segamat nak pergi ke Negeri Sembilan ke nak pergi ke Pahang ke dia tak tahu jalan kerana banyak bukan sahaja ikut sungai kadangkala ikut daratan jalan potong. Jadi, Orang Asli jadi sebagai pemandu untuk mereka ni supaya tak sesat dalam hutan. Dan orang sini ni secara kebetulan banyak yang dah ikut budaya hidup orang melayu lah.

ZM: Okay, seterusnya apakah aktiviti sosial atau gaya hidup masyarakat di awal pembukaan Kampung Paya Pulai?

HH: Pada peringkat awal tahu tahu jelah kadangkala mereka yang lari tu ada yang sempat bawa barang barang mereka kan. Tetapi ada juga kadang kala yang sehelai sepinggang. Jadi pada peringkat awal tu dibuatlah pondok apa yang patut dan pada masa tu mereka semua kolebtip lah. Maksud kolebtip ni maksudnya memang gotong royonglah. Sesama susah, susah. Sesama senang, sama senang. Sebab nak timbul, timbullah, kau nak tenggelam, tenggelamlah sama. Jadi pada masa tu memang biasalah bila orang kalah perang, lari tempat tempat yang agak selamat dia akan dirikanlah satu penempatan baru dan biasanya di kalangan keluarga keluarga masing masinglah. Katakanlah keluarga A dia pergi ke Lubok Batu, Keluarga C dia pergi ke Paya Pulai, Keluarga yang lain ada yang pergi ke Gemereh, ada yang pergi ke Pogoh. Ha padahal semua tu satu rumpun. Tapi biasanya yang membuat satu kampung satu kampung tu dalam bentuk kekeluargaanlah. Dan kadang kala dia kawin pun di kalangan apani keluarga

dialah. Sepupu dua pupu kawin balik dan kemudian barulah apani ada kawin kawin apani bercampur dengan orang yang lebih jauh lagi. (--)

ZM: Okay, seterusnya adakah terdapat amalan amalan tradisional yang diamalkan Masyarakat Kampung Paya Pulai pada ketika itu?

HH: Amalan dia saya ingat sampai sekarang pun ada lagi. Amalan amalan tradisional yang dibuatnya tu kadangkala walaupun orangnya beragama Islam kan, kadangkala ada juga kepercayaan kepercayaan lain yang mereka mereka agak boleh digunakan (-) kadangkala boleh juga dipertikaikan samada islamik atau tidak (--). Satu yang saya tahu kat Paya Pulai dulu lah dan saya pun pergi ikut tau, iaitu mandi minyak. Awak tahu mandi minyak?

ZM: Taktahu. (geleng kepala)

NZ: Minyak Masak?

HH: Minyak masak! (reaksi wajah bersemangat)

ZM: Untuk kekuatan badan? (mengerakkan postur badan)

HH: Haa kerana orang dulu macamtu. Dia masak minyak tu dalam kualiti tau. Minyak tu mesti nak daripada kelapa yang jangan teruna, kelapa tu dia perah dia perah dia punya santan tu dia perah santan tu tak campur lain dia perah santan kelapa tu dia rang situ sampai daripada santan tu dia bertukar jadi minyak tau. (Tak jelas) api bawah tu sampai akhirnya santan santan tu dia masak tu jadi tukarlah santan kelapa dia jadi minyak kelapa. Minyak kelapa tu masih panas lagi tau tetapi kita oleh tekap tangan kita tu atas (menunjukkan cara tekap tangan dalam kualiti) tu dan kemudian kita boleh mandi. Haa (--),

ZM: kegunaannya untuk? (mengerutkan dahi)

HH: haa? Untuk kesihatan badan dan untuk (-) (Tak Jelas) orang dulu handal handalkan betul tak. Jadi tapi baru baru ni orang yang ada tu kebanyakan dah meninggal dah ataupun dia buat dekat tempat senyap senyap la. Tapi saya ikuti dan saya fikir fikir logik. awak, awak ada sekolah belajar sains tak?

ZM: ya, ambik sains. (sambil mengangguk)

HH: Ambik sains kan. Memula saya takut tau, kerana ini minyak ni apa mendidihkan, ni sihir ke apa jangan terkeluar dari agama Islam punya konsep ke apa kan, jadi saya tengok sorang datang sapu saja je, habis datang sorang lagi sapu ada kawan saya sorang tu sapu, tak sakit ke

tak panas ke? Kita macam tiada keyakinan. Saya pun ikut. Bahang gitu je, takde benda. Ni minyak ni, letak atas tu je. Jangan la kau celupkan tangan kau ke dalam. (sambil menunjukkan contoh) Letak atas tu (tarik nafas) jadi, pastu sapu, memang macam orang urut. Urut badan sendiri kan. Pastu member member yang dah biasa tu dia urut badan kita tu memang, memang segar. Jadi saya balik rumah saya kata jangan ini sihir ke apa apa, minyak panas mendidih didih tu boleh (tak jelas). Saya buka buku sains, bila cecair bila nak tukar jadi wap dia sedut dia akan ambil heat tau. Jadi heat dekat permukaan tu tak panas tau. Macam awak tengok api. Api yang menyala tu kan, yang menyala tu, tengah tengah dia tu tak panas tau. Haa, Nabi Ibrahim bakar tak apa apa.

ZM: betul, Nabi Ibrahim tak terbakar dalam api. (mengangguk kepala)

HH: Haa, memula memula saya tak percaya, bila saya tau konsep tu maknanya this one tiada tiada khurafat punya. Rupanya ramai (tak jelas) Haji (tidak jelas) amalkan ni. Orang Pahang ramai amalkan ni. Tapi dia tak cerita dekat orang. (--)

ZM: Okay, seterusnya kita pergi ke soalan apakah perkembangan masyarakat dahulu sehingga ke hari ini?

HH: Dari segi perkembangan, saya ingat (--) banyak perubahanlah. Maknanya kalau dulu hidup mereka cara tradisional (tarik nafas) sekarang pun walaupun ada juga yang masih (tidak jelas) mengekalkan cara cara lama tu, tapi pengaruh pengaruh baru ni pun banyak (--) tahulah sekarang ni semua dah serba moden, teknologi pun dah tinggi. Kemudian, di situ pulak dia bukan orang melayu je yang dah ada. Orang cina dah ada, orang india dah ada kat situ, jadi pencampuran mereka ni semua dan budaya mereka ni pun dah ada perubahan sedikit, kata orang pun dah multicultural lah. (--)

ZM: Okay, (mengangguk kepala) seterusnya apakah Bahasa Pengantara bagi masyarakat Kampung Paya Pulau ketika itu?

HH: Daripada dulu diorang semua cakap melayu lah. Kebanyakan cakap melayu, kalau ada pun yang cakap cakap (--) bahasa lain macam Jawa ke, itu yang datang kemudianlah. Dan tak lama kebanyakan boleh dikatakan majoriti termasuklah orang cina datang sana semua boleh bertutur dalam Bahasa Melayu.

NZ: Okay seterusnya, siapakah yang mentadbir Kampung Paya Pulai pada ketika itu?

HH: Pada masa tu, yang mentadbirkan dia panggil ketua kampung, ketua kampung dia kira macam (--) ada pulak diatasnya iaitu penghulu, dia ketua kampung, kemudian penghulu, penghulu itu pula telah diberi pada mukim lah, jadi kalau Paya Pulai tu dia masuk dalam mukim, Bukit Pogoh. Macam kat tempat saya ni, Lubok Batu sebelah kat Paya Pulai tu dia dah masuk dalam mukim Gemereh, jadi sana penghulu dia penghulu Pogoh disini penghulunya Gemereh. Sebelum (--) apa ni dulu masa zaman Temenggong, makna kepimpinan atas tu temenggong lah, yang top sekali lah bukan bukan bukan sultan masa tu. Bila Perang Jementah je, lepas Perang Jementah, barulah Sultan apa ni Abu Bakar ambik alih. Maharaja Abu Bakar kan, dia ambil alih dan seluruh negeri Johor sekata lah semua ikut bawah pemerintahan Sultan ada pengawai daerahnya, ada penghulunya, ada ketua kampungnya.

NZ: (Menganggukkan kepala), Soalan seterusnya, apakah peranan atau tanggungjawab mereka kepada masyarakat Kampung Paya Pulai?

HH: Apa yang pertama yang penting ialah menjaga kebajikan orang kampung. Itu penting kerana masa dulu (-) sebelum ada kerajaan yang berparti dan sebagainya ni eh (--) ada wakil rakyat, dulu penghulu iaitu sebagai wakil kepada pemerintah untuk memastikan bahawa (--) rakyat bawahnya semua mendapat apa ni diberikan apa ni perhatian maknanya dia jaga lah (kebajikan rakyat dan itu sebab tiap tiap kampung la daripada penghulu dipecah-pecahkan ada ketua-ketua kampung.

NZ: Seterusnya bagi pentadbiran pula, pihak yang bertanggungjawab kepada Kampung Paya Pulai pada ketika itu perlu berhubung dengan siapa? Sultan atau Temenggong?

HH: Permulaan tadi saya cakap tadi (-) Temenggong. Bila (--) lepas saja Perang Jementah, Sultan ambik alih makna bukan Temenggong lagi tetapi Temenggong diberi macam saguhati la apa ni dipanggil elaun kerabat diberikan elaun kerabatlah pada apa ni keturunan Temenggong.

NZ: Seterusnya, Bagaimanakah hubungan antara ketua dan masyarakat pada ketika itu?

HH: Masa itu saya ingat tak banyak masalah la masa saya kecil-kecil dulu pun dalam ni tak banyak masalah la kerana mereka tak banyakla nak cerita pasal politik ni, dia kalau ada pun dia panggil politik tempatan la, diantara (--) bergaduh antara adik-beradik, antara (-) sedara-mara terutama yang mereka bergaduh pasal harta pusaka macam tu kan ataupun kahwin, apa ni cerai-berai, kadangkala keluarga masuk campur masalah-masalah dia takla macam masalah masa ni, masalah macam ni macam-macam boleh jadi kat S/U). Dulu S/U dia cukup makan, ada rumah, ada tempat tidur, ada api ada air, eh semua ada pakaian makna keperluan asas tu semuanya (-) apa ni dapat diatasi makan minum air api semua sekali, makanan cukup, diorang tak banyak bising ,tak banyak complain.

NZ: Soalan seterusnya, Bagaimanakah perkembangan kemudahan infrastruktur dan prasana di Kampung Paya Pulau pada ketika itu?

HH: Permulaan Kampung Paya Pulau tu walaupun kata orang (--) satu tempat yang apa ni elok makna tanah subur untuk tinggal, bertani tetapi ada juga masalahnya iaitu pada tiap-tiap tahun kadangkala banjir. Ini yang jadi satu perkara yang zaman dulu lah (--) yang agak serius jugaklah kerana dia, tapi baiknya mereka semua ni dah tahu tau makna kebanyakan orang lama-lama ni dia dah tahu bila ni bulan ni tengok lain macam je walaupun dia bukan dia kaji apa dia kaji cuaca, dia tahu kalau hujan jenis macam ni, ni banjir, dia banjir bila agak- agak air naik, jadi mereka dah buat persediaan lebih awal dan ada juga kebaikannya kerana masa banjir dulu, mereka semua lepas banjir berpesta kerana lepas banjir, lubang-lubok yang tertentu banyak ikan dan yang paling banyak sekali ialah ikan baung dekat Segamat dulu terkenal dengan ikan baung tau kerana mengapa ikan baung ni dia bila air banjir tu ikan baung masuklah kemana-mana tempat yang tenggelam tu semua dia masuklah, rupa dia bertelur kat situ nanti bila dia keluar anak apa anak dia tu menetas, anak dia tak keluar kena pula bila air dah kering, anak dia tertinggal dalam lubang tu. Bila tertinggal dalam lubang, bila masa banjir kedua, barulah dia keluar, dia keluar dia dah besar semua, Itu makna rezeki dia bertambah. Jadi dulu masalah makanan, tak timbul, ikan banyak (-). Kadangkala bawah rumah baru lepas banjir pun ada ikan. Tapi sekarang banjir sampah je ada, ikan tak ada

sampah je sekarang kalau banjir. Itu je masalah dia lah masalah infrastruktur dia, bagaimana nak mengatasi masalah banjir ni kena lah buat penempatan banjir.

NZ: Seterusnya, apakah terdapat kisah menarik disebalik nama Kampung Paya Pulau ini?

HH: Apa? Ulang

NZ: Apakah terdapat kisah menarik

HH: Kampung Paya Pulau?

NZ: di sebalik nama?

HH: Kampung Paya Pulau tu nak kata menarik tu tak menarik la (-) apabila dekat Kampung Paya Pulau ada pokok pulau, bukan orang Melayu je orang Cina pun datang ke sana kerana dia tahu pokok pulau ni memang kayu dia baik Itu yang saya cerita tu, orang Cina ni dulu-dulu bawak bini dia, bini dia semua kaki-kaki kecil-kecil tau. Kaki dia, dia apa ni, dia daripada kecil tu di (-) disimpai tau, disimpai kakinya jadi kaki tu, jadi kaki ni kena masuk pakai macam terompah, sepatu tu yang diperbuat daripada kayu, kalau awak pegi Belanda, Belanda pun dia buat, dia buat kasut daripada kayu tau. Awak pernah tengok kat sana? Jadi dia nak tu (-) batang pulau tu senang, senang dia lembut, senang dia nak buat apa?

ZM: Kasut

HH: Kasut! Haa buat terompah, dulu memang popular terompah. orang boleh pakai, dulu orang pakai kasut kayu.

NZ: Boleh encik ceritakan secara terperinci apakah yang dimaksudkan dengan Sistem Kancu yang telah wujud di Kampung Paya Pulau? (Mengerutkan dahi)

HH: Sistem Kangcu ni, kalau kita, kita ada ketua kampung. Orang Cina, ketua kampung dia tu iaitu ketua sungai lah. Dia jadikan ketua dia, Mana tiap-tiap kangcu ni, tiap tiap Orang Cina ni datang, dia pun bawak keluarga dia juga, jadi satu keluarga dia tu ada satu ketua dia lah (-). Daripada sistem tula dipanggil Kangcu, makna ketua sungai. Dia jaga tu bukan apa, dia kumpul pungut cukai, kan kita cakap dulu pengangkutan lalu sungai, dia nak hantar barang ke nak jual pun, naik kapal, jual. Jadi dia buat, dia pungut cukai lah kerana cukai ni nak beri pada Sultan, nak beri pada Kerajaan, jadi separuh daripada Kerajaan separuh untuk kegunaan diorang la.

NZ: Seterusnya, Bagaimanakah penerimaan masyarakat Melayu ketika kedatangan Cina dan India ke Kampung Paya Pulau pada ketika itu?

HH: Pada peringkat permulaan tu, tak ramai la bising kerana apa tanah luas, banyak dan pulak orang Melayu ni dia jenis orang kata (-- ) cukup makan jadi benda tu dah apa ni alhamdulillah (dia tak ada la kata orang nak tarik lebih dan sebagainya. Jadi orang Cina datang pada peringkat awal semua tak kacau dia la kerana orang Cina ni dulu, di Johor ni yang bawak diorang masuk Sultan untuk buat kebu. Kemudian, bila bawah pemerintahan masa tu Sultan pulak baik dengan British Presiden, tapi Johor ni (-) kita tidaklah diperintah secara langsung oleh Residen kan bermaknanya, kita dengan apa ni British, dia tak sama macam (-- ) Negeri-negeri Selat tau, Negeri yang Bersekutuan, kita ni dipanggil negeri yang diperintah sendiri oleh Sultan lah . Pahang lain tau, Pahang presiden.

ZM: Pahang presiden? (Mengerutkan dahi)

HH: Haa. Kita tak, kita sini Johor dia punya DO dia pun Kerajaan Negeri yang pilih. Macam Pahang, Persekutuan, pilih daripada (-- ) apa ni kakitangan daripada (-- ) Persekutuan dipanggil PTD. Johor dipanggil PTD Johor. Jadi (--), ada yang Sultan bawa dan kadang-kadang ada yang British bawa. Yang peliknya, ada pula yang orang Perancis ada buat kebun di Segamat ini iaitu di Chaah. Dia ada buat satu kebun kelapa sawit besar dalam dunia tau, kilang dia kilang terbesar dalam dunia di Chaah tu, ada kilang kepala sawit (-). Kalau masa saya dulu sekolah (-), tahun 60 an, soalan akan keluar tiap-tiap tahun soalan Geografi akan keluar, yang kelapa sawit di Chaah tu. Jadi (-), tapi yang dibawa masuk ke Segamat ini kebanyakannya diorang tanam Gambir,

yang pelik-pelik tanam lada hitam, tanam macam-macam lah untuk menambahkan hasil untuk Kerajaan Negeri, dan orang Cina ni pulak, dia secara tidak langsung , Kerajaan Negeri Johor pun beri tanah pada dia walaupun mula-mula dia kerja sebagai kuli kan.

NZ: Okay (Menganggukkan kepala), Apakah aktiviti ekonomi yang dilaksanakan masyarakat Cina dan India pada ketika itu?

HH: Masyarakat India kebanyakannya dibawa oleh Inggeris, iaitu membuka ladang-ladang. Ladang pada masa itu sebelum kelapa sawit ialah ladang getah, yang paling terkenal sekali. Orang Inggeris banyak bawa masuk orang India termasuklah juga untuk membuat jalan kereta api. Jalan kereta api, jalan-jalan ni kebanyakannya yang membuat orang India. Jadi sebab JKR dulu ramai orang India, manakala orang Cina datang ni ke Malaysia kebanyakannya ahli perniagaan dan ada juga jadi pekebun iaitu macam Kangcu punya sistem tu dia berkebun tapi mereka juga berniaga kerana Kangcu ni dia ada ketua dia, dia boleh buat bisness daripada hasil yang dia dapat tu, dia bagus sebabtu dia berjaya. Cuma yang tak eloknyanya, kita tak sedar bahawa secara tidak langsung British telah mengamalkan Pecah dan Perintah, makna kalau petani biasa tu orang Melayu kalau meniaga ni orang Cina kalau ladang- ladang ni, jalan- jalan ni orang India macam tu. Tapi, ada baiknya sampai sekarang ada baiknya, ada yang tak baiknya Sistem Pecah dan Perintah ni. Bila yang tak baiknya, berlakulah perkauman. Yang baiknya, dia tak kacau dia, dia tak kacau dia. Berniaga orang Cina, yang ni orang ni yang ni orang Melayu, tapi sekarang ni baru nak di integrasikan.

NZ: Pada pendapat encik, adakah masih terdapat tinggalan sejarah atau kesan yang menjadi bukti kepada sosio ekonomi masyarakat Kampung Paya Pulai untuk dijadikan rujukan bagi generasi masa kini?

HH: Kesan sejarah?

NZ: Ya. Masih terdapat tinggalan sejarah.

HH: Itulah tinggalan sejarah dia bila Pecah dan Perintah, awak nampak kat Paya Pulai tadi kita pergi, masuk je dari situ, tanah- tanah semua dah jadi kedai. Dulu tak ada kedai tu, dulu semua rumah. Kemudian, orang Melayu semua tabur duduk, makna bandar



Cina, kampung Melayu. Itulah kesannya, awak kena sedar tu. Makna bandar orang Cina duduk, kampung orang Melayu duduk. Nak ubah tu pun agak susah.

ZM: Maknanya sampai sekarang pun masih tinggal la?

HH: Ha, awak pernah perasan tak? Pergi mana-mana la, padahal kalau dia buat sekarang, dia boleh buat satu cara macam di felda tu kan. Yang Berjaya sekarang kat Shah Alam, Putrajaya, semua yang berniaga orang Melayu. Kalau pergi Shah Alam kat UiTM tu, semua orang Melayu buat satu perkampungan. Patut kat UiTM sini boleh buat satu perumahan untuk orang Melayu, buat kedai orang Melayu, macam tu boleh buat bandar untuk orang Melayu.

ZM: Maka selesailah sudah soalan kita, dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang seni bina dan arkitek bersama Encik Haji Hamidon, kami mengucapkan ribuan terima kasih diatas kesudian dan Kerjasama yang diberikan oleh Encik dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni bina dan arkitek para penyelidik pada masa akan datang. Sekian terima kasih.

## 6.0 LOG TEMUBUAL

Berikut adalah ringkasan temubual bersama Encik Haji Hamidon Bin Ismail, seorang guru yang mempunyai sedikit sebanyak pengetahuan tentang latar belakang Kampung Paya Pulai, Segamat Johor.

<b>Masa (Minit)</b>	<b>Perkara</b>	<b>Maklumat</b>	<b>Kata Kunci</b>
01:01	Pembukaan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Serentak dengan Kampung Lubok Batu</li><li>• Penduduk merebak melalui pengikut Bendahara yang menetap di Kampung Lubok Batu</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bendahara</li><li>• Lubok Batu</li></ul>
04:46	Asal Nama	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sebuah kampung yang berpaya</li><li>• Sempena nama Pokok Pulai<ul style="list-style-type: none"><li>- Sultan dan Bendahara mendapat ilham dari tiga (3) batang Pokok Pulai yang amat besar berhampiran paya</li></ul></li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Paya</li><li>• Pokok Pulai</li><li>• Sultan</li><li>• Bendahara</li></ul>
14:33	Amalan tradisional Masyarakat	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mandi minyak masak untuk kekuatan badan</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Minyak masak</li></ul>
19:25	Bahasa Pengantara Masyarakat	<ul style="list-style-type: none"><li>• Majoriti penduduk sama ada orang Cina dan India boleh bertutur dalam Bahasa Melayu.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bahasa Melayu</li></ul>
23:45	Perkembangan sosio-ekonomi Masyarakat	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tanah subur</li><li>• Sesuai untuk melakukan sosioekonomi seperti pertanian, perternakan dan perikanan</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ikan Baung</li><li>• Gambir</li><li>• Lada hitam</li></ul>

27:13	Sistem Kangcu yang wujud	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketua sungai <ul style="list-style-type: none"> <li>- Orang Cina</li> <li>- Pungut cukai pengangkutan sungai</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Orang Cina</li> <li>• Surat Sungai</li> <li>• Cukai pengangkutan</li> </ul>
31:08	Aktiviti ekonomi masyarakat Cina dan India	<ul style="list-style-type: none"> <li>• India <ul style="list-style-type: none"> <li>- Diupah menjadi peladang kelapa sawit dan getah</li> <li>- Membuat jalan kereta api</li> </ul> </li> <li>• Cina <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pekebun/ Petani</li> <li>- Ahli perniagaan</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ladang-ladang</li> <li>• Kereta api</li> <li>• Ahli perniagaan</li> <li>• Orang Inggeris</li> <li>• Sistem Pecah Perintah</li> </ul>

## RINGKASAN

Kampung Paya Pulai adalah sebuah kampung yang terletak di Daerah Segamat, Johor. Pada awalnya, pembukaan Kampung Paya Pulai ini serentak dengan Kampung Lubok Batu. Kampung Lubok Batu semasa kekalahan Kerajaan Melayu Melaka Bendahara dan Sultan semua berhijrah ke tempat yang lebih selamat dan Bendahara pada masatu ialah seorang Bendahara yang uzur jadi dia tak dapat ikut Sultan ke Pahang, jadi Bendahara hanya mampu berada di Segamat, di suatu Kawasan yang terkenal sampai sekarang ni iaitu Kampung Lubok Batu yang dimana Bendahara Depoh. Bendahara yang akhir untuk Negeri Melaka dikebumikanlah dimakamkan. Jadi pengikut pengikut Sultan dan pengikut pengikut Bendahara yang lari disebabkan kekalahan kalah perang dengan Portugis ada yang terus mengikut sultan dan ada yang menunggu di Segamat. Penduduk-penduduk ramai disebabkan pengikut-pengikut Bendahara ramai yang menetap di Kampung Lubok Batu dan merebaklah disitu dan termasuklah juga Kampung Paya Pulai kerana kampung ni sebenarnya hanya sebelah menyebelah sahaja.

Nama Kampung ini berasal dari pokok pulai. Pada awalnya, kampung ini dibuka oleh Sultan Melaka dan Bendahara yang menyelamatkan diri setelah kejatuhan Melaka menentang Portugis. Apabila sampai di kampung itu, Sultan dan Bendahara melihat tiga (3) batang Pokok Pulai yang amat besar berhampiran paya. Dari pokok itulah Sultan mendapat ilham dan menamakan kampung itu sebagai Kampung Paya Pulai. Penduduk asal kampung terdiri daripada orang asli. Selain itu, bagi perihal sistem yang digunakan di Segamat adalah sistem Kang Cu. "Kangcu" ialah bahasa Cina untuk "Tuan Sungai". Melalui sistem ini, Daeng Ibrahim membawa orang-orang Cina dari Singapura ke Johor untuk mengerjakan ladang lada hitam di sepanjang Sungai Johor. Orang-orang Cina diberikan "Surat Sungai" yang merupakan surat kebenaran untuk menetap dan mengusahakan pertanian di Johor. Kawasan perladangan dikenali sebagai "kangkar", iaitu perkataan bahasa Cina untuk "kaki sungai". Setiap kangar diketuai oleh seorang kangcu yang memerintah dan memungut cukai untuk kerajaan Johor.

## **7.0 INDEKS**

### **A**

Agama 12, 18, 19

### **B**

Bendahara 3,11, 15, 27, 28, 29

Beras 5, 11, 17, 29

Binatang 11

Bahasa Melayu 12, 20, 27

### **C**

Cukai 12, 24, 28, 29

### **E**

Ekonomi 25, 27

### **I**

Ikan 11, 12, 16, 22, 27,

Islam 12, 18, 19

### **K**

Kangcu 3, 4, 12, 24, 25, 28, 29, 31

Kampung 1, 2, 3, 4, 5, 9, 11, 12, 13, 15, 16, 17, 18, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29,37

Kasut 11, 23

Kerajaan 11, 12, 15, 16, 21, 24, 28, 29

Kuih 12, 17

### **M**

Minyak 12, 19, 27

## **O**

Orang asli 11, 18, 29

## **P**

Padi 11, 17

Paya 1, 2, 3, 4, 9, 11, 12, 13, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 27, 28, 29, 37

Paya Pulau 1, 2, 3, 4, 9, 11, 12, 13, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 23, 25, 27, 28, 29, 37

Pertanian 11, 12, 27, 29

Perdagangan 11

Pokok Pulau 3, 4, 11, 12, 13, 16, 23, 27, 29

## **R**

Rempah ratus 13

## **S**

Sultan 3, 4, 11, 12, 15, 18, 21, 24, 27, 28, 29

Subur 11, 22, 27

Sungai 11, 12, 16, 17, 18, 24, 28, 29

Sejarah 1, 2, 3, 9, 10, 11, 13, 15, 25

Surat 12, 28, 29

## **T**

Terompah 11, 13, 23

## 8.0 RUJUKAN

*Laman\_Utama*. Sistem Kangcu Raja\_Temenggung\_Tun\_Daeng\_Ibrahim. (n.d.).  
[https://malay.wiki/content/Raja\\_Temenggung\\_Tun\\_Daeng\\_Ibrahim/Sistem%20Kangcu.html](https://malay.wiki/content/Raja_Temenggung_Tun_Daeng_Ibrahim/Sistem%20Kangcu.html)

Sejarah2u. (1970, January 1). Sistem Kangcu.  
<http://sejarah2u.blogspot.com/2010/01/sistem-kangcu.html>

## 9.0 LAMPIRAN

<a href="http://www.johor.uitm.edu.my">www.johor.uitm.edu.my</a>	
<b>Bidang Pengurusan Maklumat</b> <i>Study of Information Management</i>	Universiti Teknologi MARA Johor Km. 12, Jalan Muar 85009 Segamat Johor Darul Ta'zim Tel: 07-9352302 Faks: 07-9352450
	
	Rujukan : 100UiTMJ(HEA/FPM.9/10/7) Tarikh : 9 MEI 2023

### CIKGU HAJI HAMIDON BIN ISMAIL

Pengkisah Sejarah Tempatan

### MEMOHON KEBENARAN UNTUK MELAKSANAKAN PENYELIDIKAN AKADEMIK – SEJARAH LISAN

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan pelajar berikut dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Cawangan Johor berbesar hati untuk menemubual pihak tuan/puan bagi melengkapkan kerja kursus penyelidikan akademik Sejarah Lisan yang bertemakan '**Segar Amat Bumi Bertuah**'

3. Tugasan ini adalah diwajibkan bagi memenuhi keperluan kursus "**Oral History Documentation**" (IMR604).

4. Senarai nama pelajar yang terlibat adalah seperti berikut:-

NAMA PELAJAR	NOMBOR PELAJAR
NURNABIHA BINTI MD ZAID	2022900507
ZAID BIN ABDUL MANAF	2022772025

5. Untuk makluman pihak tuan/puan, objektif kerja kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar berkenaan kaedah dan teknik pelaksanaan sejarah lisan di samping **mengumpulkan kisah-kisah dan maklumat sejarah tempatan** untuk rujukan di masa akan datang. Temubual ini tidak akan melibatkan sebarang bentuk ganjaran daripada pihak kami. Mohon juga pihak tuan/puan supaya menandatangani **PERJANJIAN PROJEK SEJARAH LISAN** seperti yang dilampirkan.

6. Kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, Terima Kasih.

Yang benar,



**AZURA ABDUL JAMIL @ KAMARUDZZAMAN**

Pensyarah Kanan

b.p Ketua Pusat Pengajian Bidang Pengurusan Maklumat  
Kolej Pengkomputeran, Informatik & Media





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya ..... **Haji Hamidon Bin Ismail** ..... K/P: **451227-01-5219** ..... pada  
..... **10/7/2023** ..... dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan  
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

.....  
(Nama tokoh )  
Tarikh: 10/7/2023

.....  
(Nama pensyarah )  
b.p.Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA

## **6.0 SET SOALAN**

### **BAHAGIAN 1**

1. Siapakah yang membuka Kg Paya Pulau?
2. Apakah adat dan tradisi masyarakat Kg Paya Pulau pada ketika itu?
3. Bagaimanakah Kg Paya Pulau ini mendapat nama?
4. Apakah makanan tradisi masyarakat Kg Paya Pulau?
5. Apakah pengangkutan utama masyarakat pada ketika itu?
6. Apakah agama islam telah tersebar pesat di Kg Paya Pulau pada ketika itu?
7. Apakah aktiviti sosial atau gaya hidup masyarakat di awal pembukaan Kg Paya Pulau?
8. Adakah terdapat amalan amalan tradisional yang diamalkan masyarakat Kg Paya Pulau pada ketika itu?
9. Apakah perkembangan masyarakat dahulu sehingga ke hari ini?
10. Apakah bahasa pengantara bagi masyarakat Kg Paya Pulau ketika itu?

## **BAHAGIAN 2**

1. Siapakah yang mentadbir Kg Paya Pulau pada ketika itu?
2. Apakah peranan atau tanggungjawab mereka kepada masyarakat Kg Paya Pulau?
3. Bagi pentadbiran pula, pihak yang bertanggungjawab kepada Kg Paya Pulau pada ketika itu perlu berhubung dengan siapa? Sultan atau Temenggong?
4. Bagaimanakah hubungan antara ketua dan masyarakat pada ketika itu?
5. Bagaimanakah perkembangan kemudahan infrastruktur dan prasarana di Kg Paya Pulau pada ketika itu?
6. Apakah terdapat kisah menarik di sebalik nama Kg Paya Pulau ini?
7. Boleh Encik ceritakan secara terperinci apakah yang dimaksudkan dengan sistem Kangcu yang telah wujud di Kg Paya Pulau?
8. Bagaimanakah penerimaan masyarakat melayu ketika kedatangan China dan India ke Kg Paya Pulau pada ketika itu?
9. Apakah aktiviti ekonomi yang dilaksanakan masyarakat China dan India pada ketika itu?
10. Apakah masih terdapat tinggalan sejarah atau kesan yang menjadi bukti kepada sosioekonomi masyarakat Kg Paya Pulau untuk dijadikan rujukan bagi generasi masa kini?

## DIARI PENYELIDIKAN

TARIKH	MASA/ LOKASI	TINDAKAN
20/5/2023	2.00 PETANG ( WHATSAPP/CALL )	Menghubungi pengkisah yang telah dipilih untuk menetapkan tarikh bagi perjumpaan pertama
25/5/2023	3.30 PETANG ( SECANGKIR TEKO CAFÉ )	Membuat perjumpaan pertama, berkenalan bersama pengkisah yang akan ditemuduga, menyatakan tujuan dan objektif projek
8/7/2023	10.00 PAGI ( WHATSAPP/ CALL )	Menghubungi pengkisah buat kali kedua untuk menetapkan tarikh bagi perjumpaan kedua
10/7/2023	2.00 PETANG ( KG BERATA & KG PAYA PULAI )	Membuat perjumpaan kedua bersama pengkisah, melawat kampung paya pulai, Memulakan sesi temuduga dan merekod perbualan sesi temuduga, menyampaikan cenderahati





NOLOGI MARA  
TEK SEJARAH LISAN

temubual yang telah diadakan  
adalah seperti berikut:  
sarian, penyelidikan dan  
mana-mana pihak  
an daripada tokoh  
di hak milik  
mengambil  
skrip

kepada sosioekonomi masyarakat Kg Paya Pulai untuk dijadikan rujukan bagi generasi masa kini?

### BAHAGIAN 2

1. Siapakah yang mentadbir Kg Paya Pulai pada ketika ini?
2. Apakah peranan atau tanggungjawab mereka kepada Kg Paya Pulai?
3. Bagi pentadbiran pula, pihak yang bertanggungjawab kepada Kg Paya Pulai pada ketika itu perlu berhubung dengan pihak mana-mana pihak?
4. Bagaimanakah hubungan antara ketua dan rakan-rakan Kg Paya Pulai pada ketika itu? (Temenggong?)



